

# TATACARA SOLAT AIDILADHA

## Panduan Ringkas Solat Sunat Aidiladha

### Lafaz Niat Solat

#### Bersendirian

أَصَلِّي سُنَّةَ عِيدِ الْأَضْحَى  
Sahaja aku solat sunat Aidiladha

رَكَعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى  
dua rakaat kerana Allah Taala.

#### Berjamaah

أَصَلِّي سُنَّةَ عِيدِ الْأَضْحَى  
Sahaja aku solat sunat Aidiladha

رَكَعَتَيْنِ إِمَامًا/مَأْمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى  
dua rakaat menjadi/mengikuti  
imam kerana Allah Taala.

### Rakaat Pertama

1. Takbiratul Ihram
2. Niat
3. Membaca doa Iftitah
4. Bertakbir sebanyak 7 kali dan diselangi dengan membaca tasbih di antara setiap takbir

سُبْحَانَ اللَّهِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ، وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَاللَّهُ أَكْبَرُ

Selepas takbir ke-7

5. Membaca Surah al-Fatihah dan diikuti dengan mana-mana surah atau ayat dari al-Quran

6. Menyempurnakan rukun solat untuk rakaat pertama seperti biasa

Rukuk / Iktidal / Sujud / Duduk antara dua sujud / Sujud / Berdiri semula untuk rakaat ke-2





## Panduan Ringkas Solat Sunat Aidiladha

### Rakaat Kedua

7. Bertakbir sebanyak 5 kali dan diselangi dengan membaca tasbih di antara setiap takbir

سُبْحَانَ اللَّهِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ، وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَاللَّهُ أَكْبَرُ

Selepas takbir ke-5

8. Membaca Surah al-Fatihah dan diikuti dengan mana-mana surah atau ayat dari al-Quran

9. Menyempurnakan rukun solat untuk rakaat kedua seperti biasa

Rukuk / Iktidal / Sujud / Duduk antara dua sujud / Sujud / Tahiyat Akhir / Salam



### Panduan Khutbah Aidiladha

Boleh memuat turun Khutbah Aidiladha melalui portal e-Khutbah 2021 Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan

1. Setelah selesai solat Aidiladha, imam terus berdiri menghadap ke arah makmum untuk menyampaikan dua khutbah.
2. Rukun dan perkara sunat dalam Khutbah Aidiladha adalah sama seperti di dalam Khutbah Jumaat tetapi tidak pada syarat-syarat khutbah seperti berdiri, menutup aurat, bersuci dan duduk di antara dua khutbah, iaitu hukumnya tidak wajib malah syarat-syarat tersebut sunat dilakukan.
3. Memulakan khutbah pertama dengan 9 kali takbir berturut-turut dan 7 kali takbir berturut-turut pada khutbah yang kedua.
4. Jika di rumah, khutbah tidak memerlukan mimbar dan tongkat. Memadai dengan kerusi atau tempat duduk bagi imam duduk sebentar antara dua khutbah.



Portal rasmi:

 [www.muftiwp.gov.my](http://www.muftiwp.gov.my)

Ikuti kami:

   Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan   pejabatmuftiwp